

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 22.04.2025 MASA: 01.00PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR  
SETIAUSAHA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PEMBERIAN TONG KOMPOS KEPADA  
SEKOLAH-SEKOLAH YANG MENYERTAI ANUGERAH  
SEKOLAH HIJAU BAGI TAHUN 2024**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**24 APRIL 2025 (KHAMIS)  
2.30 PETANG**

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh bermakna ini dalam **Majlis Pemberian Tong Kompos Kepada Sekolah-Sekolah Yang Menyertai Anugerah Sekolah Hijau Bagi Tahun 2024.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Cheah Poh Lye, *Head of Operation*, MSM Prai Berhad dan pihak MSM Prai Berhad atas keprihatinan dan sumbangan yang amat bermakna ini. Komitmen yang ditunjukkan dalam menyokong inisiatif pendidikan alam sekitar ini amat kami hargai. Semoga kerjasama sebegini dapat terus diperkuuhkan demi kepentingan alam sekitar dan masa depan generasi mendatang.
3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis ini; khususnya pihak sekolah yang terlibat, para guru dan pelajar, serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran program pada hari ini.

4. Untuk makluman hadirin sekalian, Anugerah Sekolah Hijau merupakan inisiatif tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah mula diperkenalkan sejak tahun 2010. Ia bertujuan untuk memupuk semangat cinta akan alam sekitar dalam kalangan warga sekolah dan komuniti setempat, menerusi pendekatan pendidikan berdasarkan tindakan (*action-based learning*) yang menyentuh aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
5. Selaras dengan aspirasi murni ini, MBSP dengan kerjasama strategik bersama MSM Prai Berhad amat berbesar hati meraikan sumbangan sebanyak 54 buah tong kompos kepada sekolah-sekolah yang telah menunjukkan komitmen dalam menyertai program Anugerah Sekolah Hijau Tahun 2024 bagi peringkat Seberang Perai.
6. Sumbangan ini bukan sekadar pemberian fizikal, tetapi ia merupakan manifestasi kepada iltizam bersama dalam memperkasakan pendidikan lestari melalui pelaksanaan amalan pengkomposan di peringkat sekolah. Inisiatif ini diyakini dapat mendidik para pelajar untuk memahami pentingnya pengurusan sisa organik secara berhemah dan seterusnya mengurangkan jejak karbon ke arah pembentukan komuniti rendah karbon.
7. MBSP amat yakin bahawa program ini mampu memupuk kesedaran mendalam dalam kalangan murid-murid serta guru tentang

tanggungjawab bersama dalam melindungi alam sekitar. Malahan, inisiatif seperti ini juga membuka ruang pembelajaran yang lebih dinamik, di mana pelajar dapat mempelajari ilmu secara praktikal dan menyeluruh.

8. Seiring dengan visi menjadikan "Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar", saya ingin menyeru semua pihak – khususnya pentadbir sekolah, guru dan pelajar; agar menjadikan program ini sebagai titik tolak kepada usaha berterusan dalam memperkuuh budaya lestari di peringkat akar umbi.
9. Akhir kata, besar harapan saya agar program ini dapat menyemai nilai tanggungjawab alam sekitar secara menyeluruh dan bukan sekadar di peringkat sekolah, malah turut meresap ke dalam komuniti sekitar. Sama-samalah kita mengorak langkah ke arah kelestarian, demi kelangsungan hidup yang seimbang dan mampan.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***